



Anwar pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

# Rundingan secara G2G peroleh aset pertahanan lebih telus kurangkan kos

**Anwar mahu pergantungan kepada ejen dihentikan**

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan soal perolehan aset pertahanan negara perlu dilaksanakan menggunakan kaedah kerajaan dengan kerajaan (G2G) bagi memastikan ia lebih telus, sekali gus berupaya mengurangkan kos berbanding bergantung kepada syarikat ejen.

Beliau berkata demikian selepas terkejut apabila mendapati bahawa pihak pertahanan negara masih menggunakan kapal yang dibina pada 1976 di negara ini, walaupun perbelanjaan sehingga bilion ringgit diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan.

"Saya pergi ke Langkawi untuk melihat kapal-kapal ini. Betul YB Arau (Datuk Seri Shahidan Kassim), kapal 1976 pun masuk sebab kita tiada kapal.

"Anda bayangkan, apa saya rasa belanja bilion ringgit, tapi kapal tidak ada. Tahun 1976 itu saya masih rehat di Kamunting. Kapal masih dibawa sebab apa? Sebab

kapal tidak ada. Ini pengajaran untuk kita.

"Saya tekankan soal perolehan mesti telus, mesti hentikan pergantungan kepada ejen secara berlebihan dan mesti sebaik mungkin guna G2G, runding betul-betul dan periksa kos.

"Jangan campur adukkan pertimbangan politik dan orang tertentu," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, di sini semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Ahmad Fadhli Shaari (PN-Pasir Mas) mengenai perolehan aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Perdana Menteri berkata, Kementerian Pertahanan menerima peruntukan mencecah RM5 bilion pada tahun lalu berbanding RM3 bilion pada 2020, iaitu suatu penambahan yang mendadak.